

# Gadis ternoda ingin berubah

## KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya gadis berusia awal 20-an dan kini menghadapi konflik diri yang cukup hebat. Lima tahun lalu saya sering bercampur dengan kawan lelaki yang lebih tua dan sikap mudah terpengaruh dengan pujuk rayu mereka membuatkan saya menjadi gadis liar dan tidak bermaruah.

Untuk makluman Dr, saya sudah beberapa kali melarikan diri dari rumah. Pertama kali melakukannya, saya hanya pulang ke rumah dua minggu kemudian. Ketika itu, saya tinggal di rumah seorang teman lelaki.

Selang beberapa bulan kemudian, saya lari untuk kali kedua. Kali ini, saya tidak pulang ke rumah lebih sebulan. Waktu itu saya memang tidak terfikir kesan dan akibat daripada perbuatan saya itu.

Sikap liar akhirnya men-

jerumuskan saya ke peringkat lebih teruk. Akibatnya, saya berhenti sekolah kerana sudah tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran lagi. Ibu bapa sangat marah. Apabila saya pulang, saya dikurung dan tidak dibenarkan keluar rumah.

Saya menerima balasan akibat sikap buruk saya. Saya dapati diri mengandug. Untuk menutup malu, saya buat keputusan menggugurkan kandungan tanpa pengetahuan keluarga.

Dr, saya sangat menyesal atas apa yang dilakukan selama ini. Saya berasa amat berdosa dan ingin sekali menjadi gadis yang baik.

### Teramat kesal, Kelantan

**!** Dr cukup simpati dengan masalah adik. Sungguhnya, pintu taubat terbuka luas bagi orang yang ingin melakukannya.

Masalah adik adalah akibat kegagalan menangani zaman remaja yang penuh dengan cabaran. Zaman remaja ialah zaman 'storm and stress'. Tahap perkembangan

remaja yang bermula dari awal ke pertengahan dan akhir remaja sememangnya penuh dengan konflik.

Remaja amat kuat menuntut kebebasan dan emansipasi. Peringkat usia adik mudah terpengaruh dengan tingkah laku yang menyenangkan dan menyenangkan.

Ketidakupayaan melalui zaman remaja dengan baik akhirnya membabitkan adik dengan perkara tidak diingini. Adik melalui detik pahit dalam perjalanan zaman remaja seperti beberapa kali lari dari rumah dan pernah mengandug. Kandungan adik pula digugurkan.

Adik sudah sedar kesilapan lalu. Hidup perlu diteruskan. Adik perlu meneruskan kehidupan dengan melakukan perkara yang tidak lagi membawa adik ke kancang yang merosakkan.

Didiklah hati ke arah tingkah laku positif. Seterusnya, banyakkkan memotivasikan diri dengan banyakkkan membaca buku motivasi dan agama.

Adik juga perlu teruskan belajar membina kehidupan

yang diredai. Carilah rakan yang berupaya membimbing ke arah tingkah laku yang positif. Dengan usaha dan keazaman tinggi, adik mampu berubah untuk menjadi gadis baik seperti diinginkan.

Ibu bapa dan keluarga adalah tempat terbaik adik untuk meminta bantuan dan bimbingan. Dampingi keluarga adik dan bersamasamalah bekerjasama untuk menjadi satu unit yang sepadu dan kuat untuk menjayakan sebuah keluarga bahagia.

Adik juga boleh menjadi insan yang lebih mempunyai matlamat jika sentiasa mendampingi keluarga.

Adik sekarang ingin menjadi gadis yang baik. Khalifah Umar al-Khattab pernah berkata; "muhasabahlah serta hitunglah dirimu sebelum kamu dihitung oleh Allah. Mereka yang berani melakukan muhasabah dan kemudian membuat perubahan positif ke atas diri sendiri, merekalah orang yang akan berjaya."



Pernah gugurkan kandungan tanpa pengetahuan keluarga

## Seks melalui telefon

**?** Saya mempunyai kawan yang suka melakukan mesej lucah bersama teman lelakinya serta pernah beberapa kali melakukan hubungan seks melalui talian telefon.

Dia pernah ditangkap ketika melakukan hubungan seks (melalui telefon) di sekolah dan dimarahi teruk oleh keluarga dan guru. Dia berjanji pada ibu bapa, guru dan rakan bahawa dia tidak akan mengulangi perbuatan itu lagi selain mengatakan sudah insaf dengan perbuatannya.

Selepas enam bulan, saya dengan tidak sengaja mengetahui yang dia masih lagi berbalas mesej lucah bersama teman lelakinya. Saya takut jika dia mengulangi semula kesilapannya. Malah lebih ditakuti dia akan terlanjur.

Untuk pengetahuan Dr, kawan saya berasal

daripada keluarga dan saudara-mara yang sangat alim dan warak. Walaupun bersikap begitu, dia kawan yang sangat baik hati.

Saya ingin memberitahu ibunya, tetapi kemudiannya berubah fikiran kerana ibunya sangat garang serta tidak bersikap terbuka. Apatah lagi sejak kawan saya ditangkap kerana perbuatannya dulu, ibunya seperti tidak mempercayai dan bersikap suka menyindir.

Saya buntu dan mengharapkan pertolongan Dr kerana dia adalah sahabat yang saya sayangi. Saya dalam dilema antara ingin memberitahu perbuatannya atau tidak. Saya ingin membantunya.

Sahabat prihatin,  
Kuala Lumpur.

**!** Hubungan seks melalui telefon semakin

lumrah. Ia perlakuan seks bersifat talian merujuk kepada perbuatan yang mengandungi elemen baur seksual antara dua atau lebih orang.

Perbuatan ini boleh menjadi ketagihan seperti yang berlaku kepada kawan adik. Keseronokan berbentuk seksual yang diperoleh membuatkan individu sentiasa ingin mengulangi perbuatan ini dari semasa ke semasa.

Dr ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kerana adik menjadi seorang sahabat sejati.

Kawan adik memang seorang yang baik seperti adik katakan, tetapi perbuatan melakukan hubungan seks melalui telefon boleh menjerat diri.

Walaupun kawan adik datang daripada keluarga yang alim, ini tidak bermakna dia tidak akan me-

lakukan perbuatan yang tidak senonoh.

Kawalan dalaman diri adalah sangat penting dalam menghindarkan daripada melakukan perbuatan yang salah.

Adik boleh membantu dengan sentiasa mengingati kawan adik akibat perbuatannya itu. Sebagai kawan, adalah lebih bererti jika adik dapat sentiasa memberi pertolongan dalam usaha mengekalkan perhubungan dan juga menjaga maruah sahabat.

Pertolongan adik boleh diberikan dalam bentuk sentiasa saling mengingati. Ini adalah antara ciri seorang sahabat yang ingin berkecakan persahabatannya.

Begitu juga adik boleh menceritakan kesan negatif daripada perbuatannya yang suka menerima dan menghantar mesej lucah.

